


# Kecemerlangan USM bukti pusat pengajian tempatan berdaya saing



**S**EKTOR pendidikan tinggi negara kini memasuki fasa baru apabila kerajaan memperkenalkan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (Apex) bagi melonjakkan kecemerlangan bertaraf dunia, selari matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Serentak itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mengumumkan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti Apex pertama negara. Kita yakin pemilihan USM dibuat berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan jawatan kuasa pemilihan. USM yang memiliki 75 peratus tenaga akademik berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) mempunyai Pelan Strategik Pembangunan bagi tempoh lima tahun yang lengkap dengan mensasarkan untuk muncul sebagai universiti terbaik di rantau ini. Pelbagai usaha lain dilakukan USM, termasuk memperkemas aspek pentadbiran serta perancangan jangka panjang yang mencerminkan kesungguhan pengurusannya untuk melonjak USM setanding dengan universiti terkemuka dunia. Pemilihan itu sudah tentu memberi suntikan semangat kepada seluruh warga universiti untuk terus melakar kejayaan gemilang.

USM adalah satu daripada empat universiti penyelidikan yang diletakkan dalam senarai pendek terakhir bersama tiga lagi universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai calon Universiti Apex. Kini ada 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara dan sembilan IPTA memohon untuk dipertimbangkan menjadi Universiti Apex, manakala dua lagi di kalangan IPTS. Pelaksanaan program Apex bakal mencetuskan senario baru di semua IPT, sekali gus menggerakkan usaha mempertingkatkan daya saing dan membina reputasi cemerlang untuk menarik lebih ramai pelajar berkualiti dari dalam dan luar negara. Kita yakin usaha meningkatkan kualiti pendidikan kini bukan saja harus dipikul USM, sebaliknya semua IPT. Usaha itu penting bagi memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai nilai daya saing tinggi dan relevan dengan keperluan industri. USM yang kini diterajui Naib Canselornya, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, harus melakukan anjakan dan perubahan menyeluruh ke arah memperkasakan institusi itu bagi memastikan amalan tadbir urus terbaik, budaya kerja warganya berada pada tahap cemerlang dan mempunyai sumber kewangan mantap. USM juga harus bersedia memikul tanggungjawab lebih mencabar dan memastikan keupayaan melaksanakan fungsi serta tanggungjawab dengan cekap, telus dan berkesan ke arah mewujudkan sistem pengajian tinggi bertaraf dunia. Satu daripada autonomi yang bakal diperoleh USM ialah memberi kuasa kepadanya mengambil pelajar dan tenaga pengajar dari luar negara. Langkah itu sudah pasti mewujudkan persaingan dan cabaran kepada pelajar serta tenaga pengajar tempatan. Kita tidak mahu melihat pelajar dan tenaga pengajar tempatan ketinggalan, sebaliknya mereka perlu membuktikan kemampuan bersaing dan sentiasa berada di barisan depan dalam semua bidang.